

# Rukun Negara untuk semua



CERMIN  
SANUBARI

SYAHREDZAN JOHAN

**M**alaysia merupakan sebuah negara yang penuh dengan kepelbagaiaan. Kepelbagaiaan tersebut mewujudkan kekayaan kepada masyarakat Malaysia tetapi pada masa yang membangkitkan isu-isu etnik, agama, bahasa, budaya dan perbezaan lain yang sering membelenggu kita.

Kita sentiasa mengurus konflik-konflik itu dalam masyarakat. Secara amnya, kita telah berjaya akan tetapi kemunculan media sosial telah membawa cabaran baharu dalam mengurus kepelbagaiaan kita.

Kita sering berpandangan bahawa undang-undang adalah ‘ubat’ yang dapat merawat kesemua ‘penyakit’ masyarakat. Kita rasa apa-apa isu atau konflik yang berbangkit mestи ditangani dengan undang-undang tetapi undang-undang hanya wajar digunakan dalam situasi seseorang itu melangkaui

benteng terakhir batas tindak-tanduk dalam masyarakat.

Ini kerana melalui undang-undang, kerajaan akan campur tangan untuk menangani isu tersebut. Undang-undang itu juga boleh disalah guna oleh kerajaan. Jadi, undang-undang bukanlah jawapan kepada semua masalah kita.

Bagaimana boleh kita uruskan perbezaan dalam negara kita tanpa bergantung kepada undang-undang? Bagi saya, satu cara adalah dengan kembali kepada Rukun Negara.

Rukun Negara menggariskan aspirasi dan nilai-nilai kita sebagai rakyat Malaysia. Ia dapat memberi panduan kepada kita tentang bagaimana kita boleh menangani hubungan antara individu dalam masyarakat dan juga hubungan antara rakyat dengan negara.

Rukun Negara bukan undang-undang dan itulah sebab mengapa ia begitu sesuai untuk dijadikan panduan.

Apabila berbincang tentang Rukun Negara, ramai yang hanya menghafal Bahagian II dokumen tersebut. Namun demikian, Bahagian I juga adalah penting. Profesor Ulung, Datuk Shamsul Amri Baharuddin mengatakan pada program Wacana *Sinar Harian* baru-baru ini bahawa Bahagian I itu adalah

**R**ukun Negara menggariskan aspirasi dan nilai-nilai kita sebagai rakyat Malaysia. Ia dapat memberi panduan kepada kita tentang bagaimana kita boleh menangani hubungan antara individu dalam masyarakat dan juga hubungan antara rakyat dengan negara.”

‘roh’ Rukun Negara.

Bahagian I itu menyatakan aspirasi dan cita-cita rakyat Malaysia, antara lain ia mahu mencipta masyarakat yang adil agar kemakmuran negara dapat dinikmati bersama, memelihara cara hidup demokratik serta membina masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Rukun Negara sudah berusia 50 tahun tetapi ia adalah dokumen yang mendepani

zaman. Mereka yang merangka Rukun Negara berfikiran jauh ke hadapan.

Kegagalan kita adalah apabila Rukun Negara tidak dihayati oleh masyarakat. Ia tidak diletakkan sebagai suatu pernyataan identiti kebangsaan bersama tetapi sekadar dibiarkan di kulit buku latihan sekolah. Malah lebih menyedihkan, dokumen berkenaan yang begitu inklusif dan progresif telah dijadikan simbol oleh pihak-pihak yang berfikiran sempit untuk memenuhi agenda mereka.

Kita mesti miliki semula Rukun Negara. Ia cukup lengkap untuk direncanakan sebagai panduan kepada masyarakat yang dapat dijadikan penawar atau solusi kepada perbezaan yang kadang-kala menjadi cabaran kepada Malaysia.

Maka, sudah tiba masa kita kembalikan Rukun Negara kepada ruang diskusi awam. Sudah 50 tahun kita seperti mengabaikan Rukun Negara, membiarkan ia menjadi rutin dan halalan rakyat tanpa pemahaman mahupun penghayatan yang mendalam.

Mari kita ingatkan semula kepada seluruh pelusuk negara bahawa Rukun Negara adalah untuk semua rakyat Malaysia.

\*Syahredzan Johan ialah peguam di sebuah firma di Kuala Lumpur